

Fungsi Partikel لا (La)

Keluaran pada kali ini akan memfokuskan tentang partikel لا (la) berserta fungsinya. Pada hakikatnya, terdapat pelbagai kategori *la* dalam bahasa Arab, namun didapati partikel لا النَّفْيِ (la al-nafyi), لا النَّهْيِ (la al-nahyi) dan لا النَّفْيِ لِلْجِنْسِ (la al-nafyi li al-jins) datang dengan pengulangan penggunaan tertinggi dalam al-Quran.

Muhammad dalam artikelnya, “*La Nafiyah Ghayr al-‘Amilah fi al-Qur’an al-Karim wa Atharuha fi Tawjih al-Ma’na*” menegaskan bahawa kebanyakan elemen penafian dan larangan dalam al-Quran diserahkan dengan penggunaan partikel *la*. Tiga partikel *la* tersebut datang dengan fungsi dan terjemahan yang berlainan di samping terdapat kaedah dalam penentuannya.

La al-nafyi merujuk partikel yang bertujuan untuk menafikan sesuatu pernyataan. Pada kebiasaannya, partikel ini disusuli dengan fiil *mudari’* yang normal bentuknya, iaitu pada awalan kata kerja terdapat huruf ت.ي.ن.أ (anita), dan akhirnya berbaris dammah atau huruf nun.

Partikel *la al-nafyi* diterjemahkan sebagai “tidak”. Contohnya, firman Allah SWT dalam *Surah al-Qasas* ayat 28, (إِنَّ اللَّهَ لَا يُحِبُّ الْمُفْسِدِينَ) yang bermaksud, “... sesungguhnya Allah tidak menyukai golongan perosak.” Ayat ini mengandungi partikel *la* yang bercirikan penafian kerana terdapat fiil *mudari’* normal (يُحِبُّ) yang datang selepasnya. Namun begitu, kadangkala partikel *la al-nafyi* disusuli dengan fiil *madi* yang normal seperti dalam *Surah al-Qiyamah* ayat 31, (فَلَا صَدَقَ وَلَا صَلَّى). Dua fiil *madi* (صَدَقَ) yang datang selepas partikel *la* tersebut mengisyaratkan bahawa ayat ini mengandungi penafian, iaitu orang kafir yang tidak beriman kepada Allah dan rasul serta tidak solat.

Selain itu, partikel *la al-nahyi* pula merujuk partikel yang menunjukkan larangan terhadap suatu ujaran. Jika diamati, *la* kategori ini diikuti dengan fiil *mudari’* yang tidak normal bentuknya, iaitu akhirnya berbaris sukun, gugur huruf *illah* atau gugur huruf nun. *La* larangan dengan akhiran fiil *mudari’* berbaris sukun didapati dalam *Surah al-Isra’* ayat 110 (وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتُ بِهَا) berkenaan pada asalnya ialah تَجْهَرُ (menyaringkan) dan تُخَافِتُ (memperlahankan). Partikel *la* sebelumnya bertujuan untuk menegah perlakuan tersebut sekali gus

mempengaruhi dua kata kerja ini dengan tanda sukun pada akhir kata.

Di samping itu, *la* larangan dengan gugurnya huruf *illah* pada akhir kata kerja didapati dalam *Surah al-Isra’* ayat 73 (وَلَا تَمْشِ فِي الْأَرْضِ مَرَحًا). Ayat ini memperlihatkan penggunaan fiil *mudari’* yang pada asalnya ialah تَمْشِي (berjalan). Oleh sebab partikel *la* sebelumnya bercirikan larangan, maka hal ini menyebabkan kata تَمْشِي bertukar kepada تَمْشِ dengan tanda gugur huruf *illah* ya.

Ayat 11 *Surah al-Baqarah* (لَا تُفْسِدُوا فِي الْأَرْضِ) pula menunjukkan penerapan partikel *la* (jangan) memandangkan adanya kata تَفْسِدُوا (merosakkan) yang tidak normal bentuknya kerana kata ini pada asalnya ialah تَفْسِدُونَ yang terdapat huruf nun pada akhirnya. Apabila adanya *la* larangan yang mempengaruhi bentuk fiil *mudari’*, maka tidak hairanlah kata تَفْسِدُوا datang dengan tanda gugur nun.

Seterusnya, partikel *la al-nafyi li al-jins* pula merujuk penafian suatu makna kata nama secara menyeluruh. Pada dasarnya, *la* penafian menyeluruh ini diikuti oleh kata nama yang diakhiri dengan fathah atau akhiran يِن (ina) dan *la* tersebut diterjemahkan kepada tiada satu pun, tiada langsung atau tiada sebarang. Misalnya, rangkai kata لَا رَيْبَ فِيهِ dalam ayat 2 *Surah al-Baqarah* mengandungi *la* penafian menyeluruh. Hal ini dikatakan demikian kerana partikel ini disusuli dengan kata nama رَيْبَ yang akhirnya fathah sekali gus mengisyaratkan bahawa tiada langsung keraguan tentang al-Quran. Jadual yang berikut menyatakan ringkasan konsep partikel *la* yang tertinggi kekerapan penggunaannya dalam al-Quran. ❸

Jadual Jenis partikel *la* yang tertinggi kekerapan penggunaannya dalam al-Quran.

Bil	Jenis partikel <i>la</i>	Terjemahan	Fungsi	Gandingan kata
1	<i>La al-nafyi</i>	Tidak	Menafikan suatu perlakuan.	Fiil <i>mudari’</i> yang bentuknya normal.
2	<i>La al-nahyi</i>	Jangan	Melarang suatu perlakuan.	Fiil <i>mudari’</i> yang bentuknya tidak normal.
3	<i>La al-nafyi li jins</i>	Tiada satu pun/tiada langsung/tiada sebarang	Menafikan suatu kata nama secara menyeluruh.	Kata nama yang akhirnya fathah.